

BOMOH NOMBOR EKOR: SATU KAJIAN KES DI DAERAH PASIR MAS KELANTAN

AZLINA MUSA

Universiti Kebangsaan Malaysia
nana_ukm@yahoo.com.my

YUSMILAYATI YUNOS

Universiti Kebangsaan Malaysia
yusmilayatiyunos@yahoo.com

ABSTRAK

Makalah ini menjelaskan aktiviti bomoh “nombor ekor” di daerah Pasir Mas Kelantan yang dipercayai mampu meramal atau menujum sesuatu nombor untuk kegunaan peribadi melalui perantaraan makhluk alam ghaib. Proses meramal nombor dilakukan melalui ritual yang dijalankan oleh seorang bomoh yang menggunakan keris dengan jampi mantera sebagai medium utama. Anehnya nombor-nombor yang diramal oleh bomoh selalunya mengena (tepat dan hampir tepat) dan dapat memberi pulangan lumayan kepada peminat setia nombor ekor. Kemampuan tersebut dipercayai berlaku atas kerjasama makhluk belaan bomoh mahu pun makhluk yang dipuja dalam ritual meminta nombor ekor. Antara tujuan penulisan ini ialah melihat amalan membeli nombor ekor yang masih aktif diamalkan oleh masyarakat Melayu khususnya di kawasan kajian dan faktor yang menyebabkan amalan ini berterusan hingga ke hari ini. Justeru itu, data makalah ini diperolehi melalui temubual, pemerhatian lapangan dan dilengkapi dengan kajian kepustakaan. Beberapa orang bomoh dan penduduk di kawasan kajian ditemubual bagi mendapatkan maklumat secara terperinci. Dapatan kajian menunjukkan terdapat sebilangan penduduk di kawasan kajian masih meneruskan amalan meramal nombor ekor melalui bomoh dan biasanya nombor yang diramal akan menang. Ia semacam suatu amalan yang tidak dapat dipisahkan oleh masyarakat di kawasan tersebut. Sehubungan itu, melalui pendokumentasian kajian ini, ia diharap dapat menambahkan lagi sumber ilmu untuk rujukan dan kegunaan generasi akan datang.

Kata kunci: Bomoh; nombor ekor; jampi mantera; ramalan; keris

BOMOH NOMBOR EKOR: A CASE STUDY IN PASIR MAS KELANTAN

ABSTRACT

The article explains the mystical activities by the local shamans in foretelling probable lottery numbers in the district of Pasir Mas, Kelantan. The process will take place in a special ritual by a *bomoh* (a traditional Malay shaman) that would also involve a *keris* (a Malay traditional dagger), and a supernatural entity that acts as a medium. By using the *keris* and special incantations, the *bomoh* will call for aide from the supernatural entities, who then provide the desirable numbers to the *bomoh* during the ritual. Surprisingly, the numbers that were obtained from these rituals were often accurate and most who sought for these services from the local *bomohs* won the lottery without fail. The ability to gain the numbers' accuracy is somehow related to the skill levels owned by these *bomohs* in getting assistance from the supernatural world. This article will further reveal on the practice of gambling through buying lottery tickets that are still prevalent in today's Malay society especially in the

focused place. For the sole purpose of this study, the data was collected through interview sessions with the local *bomohs*, ritual observations and extensive readings for detailed information. This article intends to highlight that the practice of foretelling lottery numbers is uncommon especially in getting quick cash among the locals of Pasir Mas.

Keywords: *Bomoh* (a traditional Malay shaman); lottery numbers; incantations; foretelling; *keris* (Malay traditional dagger)

PENGENALAN

Bomoh, dukun atau pun pawang memainkan peranan penting dalam institusi kemasyarakatan Melayu semenjak zaman dahulu dan kini. Namun begitu, istilah *bomor* dalam loghat Kelantan paling popular berbanding dengan gelaran dukun mahu pun pawang. Istilah berkenaan sukar dihakis dalam sistem kepercayaan masyarakat Melayu. Hanapi Dollah (1991) menerangkan, kepercayaan warisan orang Melayu sebahagiannya menjelaskan kehidupan harian sering kali dipengaruhi kuasa luar biasa yang dinamakan sebagai penunggu, semangat, roh dan sebagainya. Unsur-unsur kepercayaan warisan ini telah mendasari beberapa upacara, bentuk permainan seperti perjudian, wau dan persembahan tradisional di Kelantan seperti makyong, main teri dan menora. Sehubungan dengan itu, *bomor* sememangnya diperakui orang Melayu Kelantan sebagai orang yang berkebolehan dalam mengadakan hubungan dengan kuasa-kuasa ghaib dalam ritual tertentu. Oleh itu, bomoh dalam konteks budaya Melayu bukan sekadar membantu menyelesaikan masalah berkaitan dengan sihat, uzur (sakit) bahkan turut membantu menyelesaikan masalah-masalah sosial lain seperti kekayaan, kecantikan dan melariskan perniagaan. Jika diperhatikan kuasa-kuasa luar biasa yang bersifat ghaib bukan sahaja boleh mendatangkan penyakit, merosakkan hasil tanaman, mendatangkan kemusnahan dan sebagainya tetapi terdapat kuasa-kuasa ghaib tertentu yang dikatakan boleh didampingi atau pun diseru. Tujuannya tidak lain dan tidak bukan untuk meminta sesuatu yang aneh dan di luar kebiasaan melalui perantaraan bomoh dalam ritual perbomohan.

Berlandaskan pegangan kepercayaan warisan ini terdapat pelbagai jenis bomoh dalam konteks masyarakat Melayu seperti bomoh nombor ekor, bomoh patah, bomoh resdung dan sebagainya. Namun begitu, bomoh yang sering mendapat perhatian masyarakat semenjak zaman dahulu dan kini ialah bomoh nombor ekor. Lazimnya, bomoh nombor ekor dianggap istimewa kerana ia dikatakan berkebolehan memanggil semangat duit atau pun melipat gandakan duit dalam ritual tertentu yang menyebabkan seseorang boleh menjadi kaya dengan cepat dan mudah. Sehubungan dengan itu, bagi mencapai suatu hajat selalunya orang Melayu akan memilih alternatif menemui bomoh sebagai sandaran untuk mengadu nasib dalam kegiatan perjudian. Hal ini kerana, hanya bomoh sahaja diperakui berkebolehan untuk melakukan ritual meramal atau pun menujum nombor, tarikh hari lahir, masa depan, dan perjodohan yang diiringi dengan jampi mantera dalam ritual perbomohan. Jika ditelitikan setiap bomoh nombor ekor mempunyai ritual dan cara yang berbeza untuk meramal dan menujum nombor ekor. Misalnya dari segi kaedah dan bahan yang digunakan dalam proses meramal nombor. Antara bahan yang digunakan termasuklah keris, kemenyan dan wang kertas untuk meramal atau pun menujum nombor bagi sesuatu pertarungan atau pertandingan. Proses tersebut melibatkan perantaraan bomoh dengan makhluk alam ghaib mengikut kepakaran ilmu yang dimiliki.

DEFINISI NOMBOR EKOR

Nombor ekor juga dikenali sebagai loteri, tikam ekor, Lotto atau Toto merupakan satu bentuk perjudian yang melibatkan pembelian tiket untuk memenangi hadiah. Umumnya loteri didatangkan dalam pelbagai bentuk. Misalnya, hadiah yang ditawarkan terdiri daripada wang

tunai atau barangan tetap yang disediakan oleh pihak penganjur. Dalam bentuk ini, terdapat risiko yang perlu ditanggung oleh pihak penganjur jika jualan tiket tidak mencukupi. Bentuk yang lebih lazim digunakan terdiri daripada hadiah berbentuk wang tunai dan biasanya diberikan mengikut peratusan tertentu daripada jualan tiket. Contohnya, pertaruhan berbentuk “50–50” memerlukan penganjur membayar hadiah wang tunai sebanyak 50 peratus daripada jumlah jualan tiket. Kebanyakan loteri di Malaysia membenarkan pembeli memilih sendiri nombor tiket (sekaligus membawa kepada gelaran nombor ekor), menyebabkan kebarangkalian untuk mempunyai lebih daripada seorang pemenang (<http://ms.wikipedia.org/wiki/Loteri>).

Dari aspek pengamal rawatan tradisional pula, bomoh Seman Janggut¹ menerangkan nombor ekor ialah suatu nombor (angka) yang boleh diramalkan oleh bomor ekor sebagai nombor pembawa tuah mahu pun nombor sial. Manakala ekor pula merujuk angka pada bahagian hujung (akhir) nombor. Oleh yang demikian, nombor ekor ialah kegiatan meramalkan nombor yang dipercayai sebagai nombor yang bakal menang dalam loteri perjudian. Nombor ekor ialah suatu bentuk perjudian dengan pelanggan membeli nombor tertentu di kedai seperti Sports Toto dan Magnum 4D dengan harga yang tertentu. Selalunya nombor yang dipilih oleh pelanggan akan disimpan sehingga tarikh keputusan nombor tersebut akan dikeluarkan. Jika nombor yang dipilih tepat dengan nombor yang telah dikeluarkan oleh syarikat berkenaan maka pembeli itu akan menang dalam jumlah yang besar. Sebaliknya, jika nombor yang ditikam oleh pelanggan tidak menang, ia selalunya disebabkan angka tersebut lari satu angka di bahagian hujung (akhir) ekor nombor. Contohnya, nombor yang ditikam (dibeli) oleh pelanggan ialah 2, 1, 7, 4. Manakala nombor menang yang dikeluarkan oleh syarikat perjudian ialah 2, 1, 7, 3. Apabila lari satu angka pada bahagian hujung (akhir) nombor, maka dengan itu ia dinamakan sebagai nombor ekor.




RAJAH 1. Nombor Ekor atau Tiket Loteri

Umumnya nombor ekor berkait rapat dengan duit kerana pembeliannya melibatkan penggunaan wang dan hadiah bagi mereka yang menang juga terdiri dalam bentuk wang. Namun terdapat sisi lain yang berbeza dengan pandangan asal dan melihat perjudian nombor ekor dengan lebih positif. Misalnya melalui temubal bersama bomoh Pak Wan², beliau menerangkan perkataan duit ialah cantuman huruf $d+u+i+t=$ duit. Cantuman tersebut bermakna seperti berikut dan juga Rajah 2:

- a. Huruf *d* doa
- b. Huruf *u* ialah usaha

- c. Huruf *i* ialah ikhtiar
- d. Huruf *t* ialah tawakkal



Rajah 2. Konsep Duit Mengikut Pandangan Bomoh Ekor

Oleh yang demikian, bomoh nombor ekor bertindak sebagai orang tengah yang boleh berhubung dengan alam ghaib dan akan melakukan ikhtiar bagi membantu manusia mencapai suatu hajat yang diminta melalui jampi mantera dalam ritual perbomohan.

Bomoh nombor ekor dikatakan menggunakan bacaan jampi mantera yang diambil daripada ayat-ayat al-Qur'an dan mantera-mantera tertentu yang dibaca dalam ritual perbomohan. Selalunya, jampi mantera yang dibaca oleh bomoh bertujuan untuk menyeru sekalian jin atau pun makhluk ghaib dalam usaha bomoh memperolehi nombor yang diinginkan. Peralatan yang sering kali digunakan dalam ritual perbomohan untuk menujum atau meramal nombor ialah telur ular tedung, cawat besi, keris lama atau pun senjata mengikut syarat dan keperluan bomoh berkenaan.

Bomoh nombor ekor dalam konteks perbomohan merupakan bomoh yang telah tergolong dalam kelompok bomoh tarik duit atau pun bomoh yang berkebolehan memanggil semangat duit untuk tujuan menggandakan duit iaitu duit yang sedikit boleh dilipatgandakan menjadi wang berjuta ringgit. Berlandaskan pegangan kepada kepercayaan ini menyebabkan semangat duit dikatakan boleh diseru, dipanggil atau pun dipuja oleh bomoh bertauliah melalui jampi mantera dan pada masa yang sama membabitkan ritual memperasapkan bahan-bahan seperti keris, wang kertas dan sebagainya dalam ritual perbomohan.

CARA MERAMAL NOMBOR

Perniagaan yang berteraskan permainan seperti perjudian boleh dikategorikan kepada dua jenis. Pertama perjudian berbentuk secara tidak langsung yang berbentuk loteri atau pun ramalan nombor melalui pembelian tiket dan menunggu keputusan nasib baik seperti toto, empat nombor ekor dan loteri *big sweep*. Kedua ialah perjudian secara langsung iaitu pejudi akan terlibat atau pun turut serta dalam aktiviti perjudian seperti bermain poker, *jacpot* dan sebagainya di suatu tempat khas yang disebut sebagai kasino.

Sehubungan dengan itu, terdapat tiga buah syarikat gergasi yang berperanan sebagai pengendali pusat dan juga sistem perjudian yang beroperasi di Malaysia iaitu Genting Berhad, Berjaya Sports Toto Berhad dan Magnum Corporation Berhad (syarikat perjudian yang

berteraskan ramalan nombor). Magnum Corporation Berhad dikatakan mempunyai lapan buah anak syarikat dengan nama pangkalnya ialah Empat Nombor Ekor yang telah mengendalikan outlet mereka di kawasan masing-masing. Manakala anak-anak syarikat itu pula ialah Empat Nombor Ekor (East Coast) Sdn. Bhd, Empat Nombor Ekor (East Malaysia) Sdn. Bhd, Empat Nombor Ekor (Johor) Sdn. Bhd, Empat Nombor Ekor (Negeri Sembilan) Sdn. Bhd, Empat Nombor Ekor (Perak) Sdn. Bhd, Empat Nombor Ekor (Selangor) Sdn. Bhd dan sebagainya.

Lazimnya kegiatan perjudian melibatkan ilmu ramalan atau menujum nombor atau barang yang akan dilakukan oleh seseorang agar menang dalam pertarungan atau pun pertandingan. Ilmu ramalan atau pun menujum hanya boleh dilakukan oleh bomoh bertauliah sama ada berdasarkan kepada bintang dua belas, arah mata angin dan juga firasat berdasarkan kepada tanda-tanda yang ada pada diri seseorang dan sebagainya (Haron Daud, 2009: ix). Bahkan, ilmu ramalan mengenai sesuatu perkara sama ada berkaitan dengan permainan seperti perjudian, masa depan, barang hilang, perjudohan, kekayaan, kemiskinan dan sebagainya telah pun diamalkan semenjak zaman Kesultanan Melayu Melaka lagi. Kebiasaannya ilmu ramalan ini hanya boleh dilakukan oleh bomoh bertauliah, bertapa dan kuat beramal.

Berhubung dengan hal tersebut, A. Samad Ahmad menerangkan ilmu ramalan yang diamalkan semenjak zaman Kesultanan Melayu Melaka adalah seperti berikut:

Maka pada suatu malam Bendahara turun hendak sembahyang subuh, maka dilihat oleh Bendahara betul pada kepala Tun Mutahir bercahaya menerus ke langit. Maka di hampiri oleh bendahara, dilihatnya Tun Mutahir. Maka dengan sekejap juga cahaya itu pun padamlah. Maka kata bendahara akan Tun Mutakhir, "Budak ini kelak menjadi orang Besar-besar. Daripada hamba pun lebih kebesarannya, tetapi tiada kekal"

(A. Samad Ahmad, 2010: 146)

Petikan di atas menerangkan ilmu ramalan berhubung dengan rezeki seperti untung, tuah mahu pun sial telah diamalkan semenjak zaman Kesultanan Melayu Melaka lagi. Ramalan tersebut hanya boleh dilakukan oleh orang terpilih yang berkebolehan untuk meramal atau pun menujum sesuatu benda di hadapan melalui kekuatan ilmu firasat yang dimiliki.

Jika diteliti, ilmu ramalan yang berkaitan dengan masa depan seseorang telah pun diramalkan oleh Bendahara Paduka Raja (Tun Perak). Beliau menggunakan ilmu firasat untuk meramal nasib baik atau pun buruk Tun Mutahir dengan meramalkannya sewaktu beliau masih lagi kecil. Firasat Tun Perak mendapati apabila Tun Mutahir dewasa kelak, beliau akan menjadi orang kaya dan akan memegang jawatan besar dalam pentadbiran kerajaan Melaka dan firasat Tun Perak adalah tepat. Hal ini demikian kerana pada zaman pemerintahan Sultan Mahmud Syah, Tun Mutahir telah pun dilantik sebagai bendahara Seri Maharaja di Melaka. Pada zaman tersebut, Tun Mutahir telah pun memegang jawatan sebagai bendahara yang kaya dalam kerajaan Melaka. Namun begitu, Tun Mutahir dikatakan hanya dapat memegang jawatan dalam pentadbiran buat sementara sahaja dan tidak kekal lama dalam pentadbiran kerajaan Melaka.

Manakala ilmu ramalan atau menujum nombor untuk pertarungan atau pun pertandingan pula sering kali melibatkan perantara alam ghaib oleh bomoh dalam ritual perbomohan. Bomoh merupakan orang yang mempunyai kebijaksanaan dan intelektual yang tinggi dalam meramal atau pun menujum nombor yang diinginkan. Haron Daud (2010) menerangkan, ilmu nujum merupakan ilmu untuk meramal sesuatu yang berhubung kait dengan ilmu bintang atau astrologi. Malahan, setiap bomoh mempunyai cara yang berbeza dalam meramal empat nombor ekor dari segi bahan atau kaedah yang digunakan mengikut kepakaran ilmu bomoh masing-masing.

Sehubungan dengan itu, Shukri Ahmad dan Ab. Rahman Khudzri Wan Abdullah (2005) menerangkan dalam masyarakat Melayu terdapat ketagihan judi yang melibatkan nombor ekor. Para pemain judi dan juga nombor ekor akan berusaha sedaya upaya untuk menang dalam pertarungan judi. Mereka sanggup membuat apa sahaja untuk menang dan ‘menikan nombor’ yang telah diramalkan oleh bomoh. Ketagihan yang melampau terhadap judi ini menyebabkan mereka digelar dengan pelbagai gelaran seperti ‘kaki judi’, ‘kaki ekor’ dan ‘tahi judi’.

Kaki judi yang terdiri daripada orang Melayu beragama Islam dan orang bukan Melayu akan berusaha menemui bomoh sebelum membeli nombor di kedai nombor ekor. Mereka terpengaruh dengan hadiah yang disediakan. Selalunya hadiah yang ditawarkan oleh syarikat perjudian nombor agak lumayan dan kemenangan setiap peserta tidak dapat diduga seperti peribahasa Melayu yang menyatakan *tuah ayam nampak dikaki, tuah manusia siapa yang tahu*. Berlandaskan kepercayaan ini, amalan berjudi dikatakan boleh mengubah kehidupan manusia dalam sekelip mata. Sekiranya nombor yang dipilih kena dengan cara dalam ritual yang dilakukan, pejudi boleh menjadi kaya dan menjadi jutawan. Oleh sebab itu, kaki judi yang ingin mengejar kekayaan akan berikhtiar dengan cara kotor iaitu bertemu bomoh ekor untuk menang dalam loteri. Mereka sanggup lakukan apa saja untuk cepat kaya. Misalnya mereka menemui bomor nombor ekor yang akan mendapatkan bantuan dari makhluk ghaib.

Jika ditelit terdapat pelbagai cara yang dilakukan oleh bomoh untuk meramal nombor yang dijangka menang dalam pertarungan judi nombor ekor. Malahan, ada bomoh yang meramal nombor ekor dengan menggunakan keris, batang kayu merbau yang tumbang dan sebagainya. Mohd. Nasaie Ismail (2008: 23) menerangkan, batang kayu merbau yang telah lama tumbang di kebun getah sememangnya dipercayai telah digunakan oleh masyarakat untuk meramal nombor ekor. Ia dilakukan dengan cara pengunjug mengambil air dari perigi yang dipercayai tinggalan Sami Long Poh Touh kemudian menggosok dan juga memuja nombor di kebun getah tersebut. Amalan ini dilakukan kerana kepercayaan mengenai penunggu tempat tersebut yang bergelar “datuk” akan mengurniakan nombor yang boleh menjadikan seseorang itu kaya. Oleh yang demikian, kegiatan perjudian tikam nombor ekor melibatkan masyarakat pelbagai kaum seperti orang Melayu yang mempunyai pengetahuan keagamaan yang cetek. Masyarakat berketurunan Siam dan Cina turut membeli nombor ekor kerana percaya nombor boleh mengubah nasib kehidupan.

Selain itu, ada bomoh nombor ekor yang menggunakan khidmat burung bayan yang dipercayai sebagai burung yang luar biasa. Amalan memuja burung bayan dilakukan untuk memilih nombor ekor. Mohammad Noor Abdul Rahman (1994: 5) menerangkan, kebiasaan benda luar biasa dan sukar ditemui sememangnya dipercayai mempunyai kuasa luar biasa yang mampu menunaikan suatu hajat yang diminta termasuk meminta bantuan untuk meramal nombor. Lazimnya, barang tersebut akan dipuja atau pun diseru malahan diperasapkan oleh bomoh untuk memperolehi suatu nombor tuah. Menurut Munarman (1994: 6) ada segelintir masyarakat sanggup memuja makam-makam keramat atau pun kubur para wali seperti perbuatan segelintir orang Melayu yang sanggup bertapa pada waktu malam di makam Iskandar Tujuh beradik yang membusut setinggi satu meter. Keadaan ini mampu mencuri perhatian kaki ekor kerana mereka percaya pada makhluk ghaib yang akan mengurniakan nombor ekor untuk perjudian.

Berhubung dengan hal tersebut, Mohd Husni Mohd Noor dan Ravale Savarinathan (2012) pula menjelaskan, terdapat segelintir masyarakat terutama orang Melayu yang sanggup menggosok badan anak babi hutan dengan menggunakan helaian wang kertas sebelum menggunakan wang berkenaan untuk membeli nombor ekor. Kemunculan seekor anak babi hutan berhampiran kawasan Teluk Intan sering kali dipercayai oleh penduduk setempat sebagai binatang istimewa dan unik serta pembawa tuah. Malahan terdapat

penduduk Melayu di kawasan berkenaan sanggup menggosok badan anak babi sebelum membeli nombor ekor.

Berlandaskan pegangan kepercayaan tersebut, didapati terdapat pelbagai ikhtiar yang dilakukan oleh bomoh untuk membantu meramal nombor yang bakal menang dalam loteri tikam nombor ekor. Setiap bomoh hitam mempunyai kaedah berbeza dalam ritual meramal atau menujum nombor tuah dalam perbomohan. Kebiasaan bomoh hitam akan meminta sesuatu yang aneh-aneh dan di luar kebiasaan. Misalnya untuk menang dalam loteri, toto atau pun magnum 4D maka ada bomoh yang meminta pelanggan mendapatkan sesuatu yang di luar jangkauan pelanggan seperti meminta darah binatang, darah orang mati dibunuh dan darah orang mati kemalangan. Darah berkenaan disapu pada keris sebagai salah satu syarat untuk memanggil atau pun menarik duit. Setelah syarat dipenuhi maka bomoh akan melakukan ritual menujum pada malam hari mengikut naskhah hari baik dalam perkiraan ilmu ramalan bomoh. Disamping itu peralatan yang digunakan turut diasap dengan kemenyan manakala keris pula akan dilumur dengan darah.

Sehubungan dengan itu, keistimewaan dan keunikan bomoh nombor ekor di negeri Kelantan ialah meramal nombor dengan menggunakan keris lama sebagai objek utama beserta dengan bahan-bahan lain untuk meramal nombor ekor. Hal ini kerana, ada bomoh nombor ekor yang menggunakan keris yang dipercayai boleh memanggil semangat duit dengan cara pemilihan wang kertas yang mempunyai suatu nombor siri ganjil. Setelah itu, wang kertas tadi akan dilalukan pada keris pusaka yang telah berusia ratusan ribu tahun yang mempunyai garisan berlubang pada bahagian tengah keris tersebut. Melalui cara sedemikian keris berkenaan dipercayai boleh memanggil semangat duit dan melipat gandakan duit menjadi lebih.

BOMOH EKOR DI PASIR MAS KELANTAN

Orang Melayu Kelantan mempercayai setiap benda mempunyai semangat atau isi, *yoni* atau getar. Misalnya keris yang dipuja melalui jampi mantera dalam ritual tertentu mempunyai kuasa luar biasa dapat menunaikan suatu hajat. Menurut Mohd. Koharuddin Mohd. Balwi (2005), orang Melayu tradisi percaya bahawa semua makhluk ghaib ini boleh dihubungi, diseru atau pun dipujuk malahan makhluk ini boleh dan dapat menunaikan segala permohonan para pemohon dan pemujanya. Oleh itu, setiap benda yang mempunyai isi atau *yoni* boleh mendatangkan tuah dan juga pemberian semangat kepada pemiliknya seperti dimurahkan rezeki dan sebagainya.

Pandangan sedemikian dapat dibuktikan melalui bomoh keris Pok Mudo yang dikatakan berkebolehan untuk meramal nombor ekor dengan menggunakan keris picit. Ia dilakukan dengan cara kad yang tertera angka 0 hingga 9 dan akan diletakkan di hadapan keris. Pada masa yang sama, keris akan digantungkan dengan besi pemberat atau pun dililit dengan benang mentah dan diperasapkan dengan kemenyan dan bacaan jampi mantera. Keris yang telah digantungkan dengan benang mentah akan bergerak atau pun *musing* dalam loghat Kelantan dan akan membantu bomoh dalam memilih suatu nombor yang bakal menang dalam loteri tikam nombor ekor. Keris mampu berbuat sedemikian dipercayai adanya isi khadam dalam bilah keris. Khadam tersebut sama ada belaan bomoh sendiri mahu pun yang dipuja dalam ritual dapat meramal suatu nombor yang akan menang dalam loteri tikam nombor ekor. Hasil temubual yang dajalakan mendapati ada pelanggan yang telah menang dalam tikam nombor ekor melalui ramalan keris yang dilakukan oleh bomoh tersebut. Kemenangan pelanggan dalam tikam nombor ekor telah menguatkan lagi keyakinan dan kepercayaan masyarakat untuk kerap berkunjung ke rumah bomoh tersebut bagi meminta pertolongan sama ada untuk melihat nasib atau pun memilih nombor ekor.

Sebaliknya, bagi bomoh keris Seman Janggut pula menerangkan kegiatan meramal atau menujum nombor dilakukan menggunakan keris anak alang. Perkara utama yang sering kali dilakukan oleh bomoh sewaktu meramal nombor ialah bomoh mesti mengetahui nama penuh pelanggan, nama penuh ayah dan ibu. Melalui cara sedemikian adalah dipercayai akan memudahkan bomoh melakukan ritual memanggil semangat duit dalam ritual yang dilakukan. Haron Daud (2009) menerangkan dalam kegiatan perjudian, selalunya ramalan akan dibuat oleh bomoh sebelum memulakan perjudian atau pun pertaruhan. Bomoh akan mengambil nama orang yang hendak bertaruh dan dibuang tiga-tiga. Sekiranya berbaki bermakna orang tersebut akan beroleh kemenangan dalam perjudian. Sebaliknya, jika berbaki dua maka dia akan rugi dalam pertaruhan perjudian. Sekiranya berbaki tiga maka kedua-dua pihak yang berjudi akan mendapat bahala yang besar. Hal tersebut menambahkan lagi kepercayaan masyarakat setempat dan menggalakkan mereka untuk bertemu bomoh dengan lebih kerap. Mereka menggagap bomoh berkenaan sebagai pembawa tuah dalam kehidupan.

Kebiasaannya bomoh Seman Janggut akan melakukan ramalan atau pun menujum nombor pada waktu malam iaitu pada jam 12 tengah malam pada malam Isnin dan malam Selasa. Namun malam yang paling baik dalam perkiraan bomoh untuk meramal nombor ialah pada malam Jumaat dan malam Sabtu. Bayaran yang dikenakan oleh bomoh untuk meramal nombor ialah Ringgit Malaysia (RM) 30 hingga Ringgit Malaysia (RM) 200. Bayaran ini berbeza kerana ia bergantung kepada besi yang digunakan. Kebiasaan bayaran Ringgit Malaysia (RM) 200 dikenakan kepada pelanggan yang ingin menikam nombor ekor dan selalunya ia akan dilakukan dengan penuh ketelitian bomoh.

Cara yang dilakukan oleh bomoh Seman Janggut untuk meramal nombor yang diingini memerlukan wang pengeras, benang mentah, keris anak alang, kemenyan, tujuh jenis bunga yang berlainan warna yang dicuri dan berbau harum seperti bunga melur. Bomoh akan memperasapkan keris dengan kemenyan dan bacaan jampi mantera. Kemudian bomoh akan memperasapkan tujuh jenis bunga berlainan warna dengan kemenyan. Memperasapkan kemenyan merupakan salah satu cara bomoh memanggil atau menyeru sekalian makhluk ghaib agar turut serta dalam ritual yang akan diadakan.

Pada masa yang sama, bomoh akan membaca—jampi mantera untuk menghantar makhluk ghaib melalui perantaraan angin ke syarikat perjudian nombor sama ada di Kuala Lumpur, Johor dan sebagainya. Antara bacaan mantera yang dilakukan oleh bomoh untuk menghantar makhluk ghaib bagi mengetahui rahsia nombor di syarikat tersebut ialah:

Bismillahirrahman nirrahim...

Assalamualaikum,

Ya Rijjalullah,

Ya iba du'llah,

Ya Rijalul ghaib-ghaib,

Ya wali-wali,

Ya keramat-keramat,

Ya Raja Budus,

Ya Hajulul ghaib,

Ya Astamid,

Ya Raja Budus

(Bomoh Seman Janggut, Pasir Mas)

Petikan di atas menerangkan bacaan mantera yang dilakukan oleh bomoh dalam usaha meramal nombor dalam ritual perbomohan. Jika diperhatikan terdapatnya seruan terhadap makhluk alam ghaib dalam bacaan mantera. Antaranya penyebutan *rijalul ghaib* oleh bomoh untuk menyeru sekalian makhluk ghaib supaya datang turun dalam ritual yang diadakan bagi menolong bomoh yang menghadapi satu kesulitan hidup pada hari berkenaan. Segala

kesulitan, kerumitan dan kekusutan tersebut perlu diselesaikan dengan memohon pertolongan daripada makhluk ghaib. Selain itu terdapat juga penyebutan *hajulul ghaib*, *astamid*, *Raja budus*. Penyebutan nama ghaib seperti Raja Budus dikatakan raja segala nombor yang dikatakan boleh membantu bomoh dalam melakukan ramalan atau menujum nombor yang diingini dalam ritual perbomohan.

Menurut pandangan Haron Daud (2009), bomoh akan menyeru kuasa luar biasa dalam bacaan jampi mantera agar isi khadam bersedia untuk melaksanakan tugas yang diberikan oleh bomoh. Selain itu, cara ini juga dikatakan dapat mendekatkan kuasa tersebut dengan pengamal (bomoh) dan memudahkannya mendengar perintah kerana pengamal mengenalinya dari segi sifat dan juga asal usulnya. Khadam yang digunakan oleh bomor dalam menujum nombor ada dua jenis. Pertama, khadam belaan bomor sendiri dan kedua ialah khadam yang dipuja, diseru atau pun dipanggil oleh bomor apabila saat diperlukan bagi membantu bomor dalam menyelesaikan kesulitan yang dihadapi.


Umumnya makhluk ghaib dihantar oleh bomoh ke syarikat perjudian nombor pada waktu malam iaitu pada jam 12 malam dan ke atas. Pada masa ini manusia dikatakan sedang nyenyak tidur dan cara ini memudahkan bomor untuk mengetahui rahsia nombor yang diingini. Selalunya, makhluk ghaib peliharaan bomoh akan dihantar melalui perantaraan angin ke syarikat loteri perjudian sama ada di Kuala Lumpur, Indonesia dan sebagainya bagi mengetahui nombor rahsia yang akan menang dalam loteri. Maka bomoh akan menghimpunkan sekalian khadam-khadam sama ada belaan bomoh sendiri atau dipuja dalam ritual kemudian dihantar melalui alam ghaib dalam ritual untuk "*esap*" nombor di syarikat pembukaan nombor loteri. *Esap* merupakan suatu istilah loghat Kelantan yang diguna pakai oleh bomoh untuk meramal nombor ekor. *Esap* dalam konteks perbomohan merujuk kepada "periksa" nombor. Periksa nombor yang dijangkakan nombor rahsia bakal keluar dan menang di syarikat loteri perjudian. Hal ini kerana, sekiranya ilmu ramalan nombor oleh bomor adalah tepat dan mengenai sasaran boleh menyebabkan seseorang boleh menjadi kaya dan jutawan dalam sekelip mata melalui kegiatan tikam nombor ekor.

Bomoh Seman Janggut menerangkan, sewaktu meramal nombor ia perlu melibatkan tiga perkara penting dalam ritual iaitu alam ghaib, nombor besi (keris) dan nombor penjaga. Oleh itu, setiap kali melakukan ritual meramal nombor maka bomoh akan memohon bantuan alam ghaib mantera untuk meramal nombor yang diingini. Alam ghaib yang sering kali dipuja, dipanggil atau pun diseru oleh bomoh dalam ritual adalah terdiri daripada 10 khadam. Antaranya ialah penyebutan nama *Rasulullah*, *Nabi Khindir*, *Nabi Daud*, *Nabi Sulaiman*, *Lukmanul Hakim*, *Syeikh Abbas As-Shaari*, *Syeikh Ahmad*, *Syeikh Abdul Qadir Al-Jailani*, *Syeikh Pe'en* dan *Syeikh Abdullah*.

Syarikat perjudian yang menawarkan khidmat nombor kebanyakannya dimiliki oleh kaum bukan Melayu yang dimonopoli oleh kaum Cina. Setiap kali pertaruhan akan dibuka, pemilik syarikat perjudian akan membuat persiapan awal di kawasan pembukaan nombor. Hal demikian terjadi kerana mereka telah menjangkakan bahawa golongan kaki judi akan menggunakan pelbagai cara sama ada secara nyata atau ghaib bagi mencuri nombor tersebut. Selain itu, syarikat perjudian turut melakukan ritual jamu makan dan ritual puja pada malam hari kepada makhluk ghaib yang ditugaskan menjaga nombor. Lazimnya, makhluk alam ghaib yang menghuni syarikat perjudian nombor terdiri daripada lapan makhluk ghaib sahaja sementara bomoh memiliki sepuluh ekor makhluk ghaib. Justeru itu, kelebihan makhluk ghaib yang dimiliki oleh bomoh memberi peluang lebih baik untuk melihat nombor yang bakal dimenangi oleh pejudi.

Oleh kerana, makhluk ghaib yang dijaga oleh syarikat perjudian empat nombor ekor terdiri daripada 8 makhluk ghaib, maka dalam ilmu bomoh pula angka 8 itu perlu diterbalikkan secara melintang seperti 'oo'. Bentuk tersebut merujuk kepada sepasang mata yang memainkan peranan sebagai mata pemerhati. Angka 8 dalam konteks perbomohan


merupakan simbolik cermin mata atau pun mata-mata ghaib yang diarahkan oleh syarikat perjudian nombor untuk menjadi penjaga atau penunggu tempat di alam ghaib yang taat setia kepada tuannya di syarikat pembukaan nombor. Mata-mata ini berperanan sebagai pemerhati, mengawal dan menjaga (bahasa) empat angka nombor di syarikat perjudian nombor yang akan dipertaruhkan atau pun dipertandingkan. Rajah 3 menggambarkan angka 8 yang diterbalikkan sebagai suatu simbolik sepasang mata.



Rajah 3. Angka 8 Simbolik Mata-mata Pemerhati

Berdasarkan rajah tersebut, angka 8 merupakan simbolik sebagai mata pemerhati milik syarikat pembukaan loteri akan mengawal bilik nombor. Sebuah bilik akan disediakan untuk mengurung atau menyimpan mahu pun mengunci nombor sulit yang bakal menang dalam perjudian. Hal ini kerana, syarikat perjudian sememangnya mengetahui golongan yang terlibat dengan tikam nombor ekor sama ada Melayu, Siam, Cina, India dan sebagainya akan berusaha dengan pelbagai untuk menang dalam perjudian tersebut. Maka dengan itu, syarikat perjudian telah pun bersiap sedia lebih awal dengan makhluk ghaib belaan yang berperanan sebagai pemerhati dan penghalang kepada makhluk ghaib luar yang ingin membongkar rahsia nombor dalam bilik tersebut.

Lazimnya, di syarikat pembukaan nombor loteri terdapat makhluk ghaib yang berperanan menjaga, memagar, melindungi atau mengurung nombor rahsia di suatu tempat khas. Hal ini kerana, nombor yang senantiasa diburu oleh masyarakat merupakan suatu nombor rahsia atau nombor sulit. Maka dengan itu, nombor rahsia perlu dikurung dan disimpan dengan baik. Rajah 4 menunjukkan makhluk ghaib pihak bomoh dihantar ke syarikat perjudian dalam jarak jauh melalui perantaraan angin.



Rajah 4. Makhluk Ghaib dihantar Melalui Perantaraan Angin dalam Ritual Perbomohan

Selalunya makhluk ghaib yang dihantar oleh bomoh akan berlawan terlebih dahulu dengan makhluk ghaib di syarikat pembukaan loteri untuk mencuri rahsia empat nombor ekor. Di sinilah bomoh akan menggunakan kekuatan fizikal dan spiritual untuk mengetahui rahsia nombor. Apabila makhluk ghaib pihak bomoh berjaya mengalahkan makhluk ghaib syarikat perjudian barulah nombor akan kelihatan pada besi keris dalam ritual perbomohan. Pada masa yang sama, besi keris akan disuluhkan pula dengan menggunakan lampu picit untuk melihat dengan jelas akan nombor petunjuk atau alamat yang tertera nombor pada besi keris. Lazimnya, nombor tersebut akan dihantar oleh makhluk ghaib pada besi keris kepada bomoh hanya tiga kali sahaja. Di sini, bomoh harus peka dengan alamat nombor yang diberikan oleh makhluk ghaib dengan melakukannya dengan penuh teliti.

Malah, sewaktu bomoh menurun dia akan menyebut nombor yang kononnya diberikan oleh roh atau pun semangat orang mati dalam ritual perbomohan di hadapan pelanggan. Setelah nombor itu diperolehi (kadang-kala nombor telah disediakan oleh bomoh) pelanggan akan dikenakan syarat lain untuk mendapatkan nombor tersebut. Nombor tadi tidak boleh terus dibeli oleh pelanggan sebaliknya pelanggan harus menunggu beberapa hari dan juga wang pengeras yang diminta haruslah dibayar terlebih dahulu kepada bomoh. Setelah wang pengeras dibayar, pelanggan akan membeli nombor di syarikat perjudian nombor. Sekiranya nombor yang ditikam tadi mengena maka ada bahagian tertentu yang harus dibayar atau pun diberikan oleh pelanggan kepada bomoh. Pemberian tersebut dikatakan pemberian upah kepada makhluk ghaib yang turut serta dan membantu memperolehi rahsia nombor dalam ritual perbomohan. Menurut Jasman Ahmad dan Siti Razmah Hj. Idris (1996) setiap pertolongan yang diberikan oleh makhluk ghaib akan diberikan pula balasan setimpal dalam bentuk makanan atau barangan seperti pulut kuning, ayam panggang dan sebagainya.

PANDANGAN ISLAM TERHADAP PERJUDIAN

Sekiranya ditinjau kegiatan perjudian dari perspektif Islam dan perkara yang berkaitan dengannya, ia didapati bertentangan dengan Islam dan diharamkan. Sekiranya orang Islam turut terlibat dengan perniagaan haram maka seseorang dikatakan berdosa dan hukumnya haram. Mohd Yahya Mohd Hussin dan Joni Tamkin Borhan (2009) menerangkan, judi merupakan satu kegiatan yang dilarang oleh Allah s.w.t maka dengan itu umat Islam adalah dilarang sama sekali melibatkan diri atau pun memberikan sebarang sumbangan untuk mengembangkan syarikat perjudian tersebut. Hal ini kerana, syarikat perjudian telah terkeluar daripada senarai sekuriti yang patuh kepada syaria Islam.

Selain itu, segala bentuk kegiatan pemujaan, penyembahan mahu pun permintaan dalam ritual perbomohan berlandaskan penggunaan benda-benda seperti asap kemenyan, keris dan sebagainya bagi menentukan sesuatu perkara dalam kehidupan adalah syirik. Ab. Aziz Mohd. Zin (1989: 1) menerangkan, bahawa syirik itu adalah berasal daripada perkataan Arab yang membawa maksud “berkongsi” atau pun “bersepakat”. Oleh itu, mensyirikkan Allah adalah bererti mengongsikan Allah atau pun menyekutukan Allah dengan sesuatu

benda-benda yang lain. Jika diteliti, kegiatan perjudian akan melahirkan sikap alpa dan tamak dalam kalangan masyarakat. Justeru itu, orang Islam harus menjauhkan diri daripada melibatkan diri dengan perniagaan perjudian kerana ia bertentangan dengan Islam. Sebaliknya, orang Islam harus berusaha dan mendapatkan sumber rezeki daripada usaha sendiri serta mengamalkan perniagaan halal dalam Islam.

RUMUSAN

Bomoh nombor ekor dikatakan berkebolehan meminta sesuatu yang aneh dan di luar kebiasaan melalui ilmu ramalan atau menujum dalam ritual perbomohan. Bahkan, kegiatan membeli nombor ekor untuk pertaruhan perjudian masih lagi mendapat perhatian masyarakat khususnya orang Melayu seperti di tempat kajian. Dapatan kajian ini menunjukkan kaki judi sanggup melakukan pelbagai usaha dan ikhtiar untuk mendapatkan wang agar cepat kaya. Mereka sanggup melaburkan wang ringgit kepada bomoh yang diyakini dan dipercayai boleh memberi kekayaan, keuntungan dan kesenangan dalam kehidupan seharian dengan kadar segera. Disebabkan adanya permintaan terhadap bomoh ekor, maka kegiatan perjudian masih berterusan sehingga hari ini kerana bomoh menyatakan mereka hanya berusaha dan berikhtiar bagi membantu golongan yang memerlukan perkhidmatan mereka. Kegiatan sedemikian perlu dibendung segera agar tidak diwarisi oleh generasi akan datang.

¹Temubual dengan Che Seman bin Drauf pada 1 Febuari 2012 di Kampung Kubang Nyior, Pasir Mas, Kelantan.

²Temubual dengan YM Nik Wan Abdul Kadir bin Wan Mahmud pada 16 Julai 2012 di Kampung Padang Siam, Tanah Merah, Kelantan.

RUJUKAN

- A. Samad Ahmad. 2010. *Sulalatus Salatin*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ab. Aziz Mohd. Zin. 1989. *Syirik*. Ampang: Penerbit Pam Publishing (M) Sdn. Bhd.
- Ahmad Haji Baharudin. 2007. *Menjadi survivor dalam dunia penuh cabaran*. Kuala Lumpur: Penerbit PTS Millennia Sdn. Bhd.
- Amran Kasimin. 2009. *Sihir suatu amalan kebatinan*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Burhanuddin Abdul Jalal. 1994. Nasib tidak merubah dunia. *Majalah Dakwah*.
- Che Muda Che Long. 2012. Bomoh ekor. Temu bual.
- Che Seman Drauf. 2012. Bomoh ekor. Temu bual
- Hanapi Dollah. 1991. Kepercayaan pra-Islam tani Melayu di Kelantan dialog budaya antara raja dengan tani. *Jurnal Sari* 10 (1): 35-44.
- Haron Daud. 2009. *Kitab ilmu nujum Melayu*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Haron Daud. 2009. *Mantera dan unsur luar biasa dalam masyarakat Melayu*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Haron Daud. 2010. Ilmu nujum: aspek pernujuman dan pancaran kecendekiaan masyarakat. *Jurnal Sari*.
- Jasman Ahmad & Siti Razmah Hj. Idris. 1996. *Bomoh*. Petaling Jaya: Penerbit Setiomas.
- Kamus Dewan* (Ed. Ketiga). 1996. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Mariyam Salim & Rogayah A. Hamid (peny.). 2007. *Pandangan semesta Melayu mantera*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohammad Noor Abdul Rahman. 1994. Burung penentu nasib? *Majalah Dakwah*.
- Mohd Helmi Irwadi Mohd Nor. 2012. Gian Lepas “kena ekor”. *Harian Metro*.
- Mohd Husni Mohd Noor & Ravale Savarinathan. 2012. ‘Tuah anak babi’. *Harian Metro*.
- Mohd Yahya Mohd Hussin & Joni Tamkin Borhan. 2009. Analisis perkembangan pasaran saham Islam di Malaysia. *Jurnal Syariah*.
- Mohd. Koharuddin Mohd. Balwi. 2005. *Peradaban Melayu*. Johor Bahru: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd. Nasaie Ismail. 2008. Gosok batang getah untuk dapat nombor. *Mastika*.
- Munarman. 1994. Jual garam di kubur waktu tengah malam. *Majalah Dakwah*.
- Munarman. 1994. Makam jadi tempat bertapa. *Majalah Dakwah*.
- Norul Awatif Romli. 2008. ‘Master’ tilik guna SMS. *Harian Metro*. 8 September.
- Sheikh Hakim Moinuddin Chrishti. 1996. *Kitab ilmu perubatan kesufian*. Batu Caves: Thinker’s Library Sdn. Bhd.
- Shukri Ahmad & Ab. Rahman Khudzri Wan Abdullah. 2005. *Cerita-cerita motivasi untuk jiwa edisi kedua*. Bentong: Penerbitan PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- t.p. 1999. Ibu Duit. *Majalah Al-Islam*.
- t.p. 2012. Judi tetap haram. *Berita Metro*.
- t.p. t.th. Loteri. <http://ms.wikipedia.org/wiki/Loteri>. [15 April 2012].
- Wan Sabri Wan Hussin. 2004. *Etika dan amalan perniagaan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- YM Nik Wan Abdul Kadir Wan Mahmud. 2012. Bomoh ekor. Temu bual.
- Zahir Zainudin & Amaludin Ab. Rahman. 2008. *19 tabiat kuasa perubahan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

Biodata Penulis:

Azlina Musa

Dilahirkan pada taun 1984; berasal dari negeri Kelantan Darul Naim. Lulusan Sarjana Sastera dari Universiti Kebangsaan Malaysia dan sedang melanjutkan pengajian Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang Pengurusan Persembahan Seni di Pusat Pengajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Yusmilayati Yunos

Dilahirkan pada September 1974; berasal dari negeri Selangor Darul Ehsan. Lulusan Sarjana Sastera dan Doktor Falsafah dan dari Universiti Kebangsaan Malaysia. Merupakan pensyarah dalam bidang kebudayaan Melayu di Pusat Pengajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan